



EDISI 7 / BIL. 1 / 2020

E-BULETIN

BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

MISI INTEGRITI BERPASUKAN

PEGAWAI SPRM YANG
DITEMPATKAN DI AGENSI
LUAR MERUPAKAN DUTA
KEPADA SPRM,

PROAKTIF
BERPENGETAHUAN / MAHIR
BEKERJASAMA
PENCAPAIAN KONSISTEN
BERDISIPLIN

**ASPIRASI
KETUA PESURUHJAYA**


“

**INTEGRITY
OVER
OPPORTUNITY**

Pegangan utama yang perlu ada dalam diri setiap masyarakat Malaysia adalah mengutamakan integriti berbanding *opportunity* (peluang) atau memilih untuk berada di landasan integriti berbanding *opportunity*.

”

RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA



KANDUNGAN BULETIN

**DARI MEJA
KETUA SIDANG
PENGARANG**

ms1

SEKSYEN 17A
AKTA SPRI 2009
PELAKSANAAN
PERUNTUKAN LIABILITI
KORPORAT

ms10

**FOKUS
INTEGRITI**

**SEGMENT
KHAS**

ms2

WAJAH KEPIMPINAN
BAHARU ERA 2020

ms4

BANK RAKYAT MELAKAR
SEJARAH

AKTIVITI BPIA
ms18
AKTIVITI UNIT INTEGRITI
ms25
AWAM/SYARIKAT BERKAITAN
KERAJAAN

**LESTARI
INTEGRITI**

**SINERGI
BPIA**

ms7

MESYUARAT PENGURUSAN
TERTINGGI BERSAMA PEGAWAI
SPRM YANG DITEMPATKAN DI
AGENSI LUAR (MPSAL) SIRI 27
BIL. 1/2020

ms8

DISKUSI MEJA BULAT

ms9

STATISTIK PENEMPATAN
PEGAWAI DI AGENSI AWAM DAN
SWASTA

PERKONGSIAN AMALAN
TERBAIK

ms31

**PRAKTIS
INTEGRITI**

SURAT LAYANG DALAM
SEKTOR AWAM

ms32

**INFO
INTEGRITI**

**CORETAN
INTEGRITI** ADIKABANG ms34



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

DARI MEJA KETUA SIDANG PENGARANG

Nurahim Bin Hj Abd Rahim

Pengarah
Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
(BPIA)

SIDANG REDAKSI

Penaung

KPj Datuk Seri Azam bin Baki

Penasihat

TKPj Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

Ketua Sidang Pengarang

KPKPj Nurahim bin Hj Abd Rahim

Penyelaras

TPj Saiful Ezral bin Arifin

Pengarang dan Produksi

P/ PKPj Abdul Halim bin Mohd Zain

PPj R.Malarvili A/p Ramachandran

Pn. Nur Baiti binti Mohd Othman

Ps Siti Ashura binti Mat Hanapiah

Ps Abdul Amidin bin Abdullah

KPKPs Sharifah Aidah binti Haji Wan Hadion

KPKPs Nursahana binti Idris

PKPs Nor Fariha binti Rosli

PKPs Mohd Shaufi bin Shaharuddin

Cik Noor Syaffinaz binti Hashim

Cik Nadzirah binti Mohd Yusof

Masa beredar dengan begitu pantas, kini tahun 2020 yang dinantikan telah tiba. Semangat baru azam yang padu menguatkan tanggungjawab pencegahan rasuah yang dipandu. Alhamdulillah dengan Rahmat Allah s.w.t telah diberi peluang untuk menunaikan tanggungjawab di dunia dan akhirat. Tanggungjawab utama kerjaya yang perlu dilaksanakan sudah semestinya mencegah rasuah melalui pembudayaan integriti dan tadbir urus baik di semua sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (SBK).

Bertemu kembali dalam e-Buletin BPIA Edisi ke 7 Tahun 2020 yang memaparkan info-info baru bermula Januari hingga Jun 2020 untuk tatapan bersama. Keluaran buletin secara atas talian ini menjadi kesinambungan kepada usaha menyebarkan mesej anti-rasuah dan membina kerjasama dalam memperkukuhkan integriti dan tadbir urus secara perkongsian ilmu kepada semua pembaca.

Kesungguhan Kerajaan dalam memperkasakan tahap integriti telah mendapat sokongan peringkat tertinggi negara. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Sempena Pembukaan Penggal Ke-3, Parlimen Ke-14 berkaitan rasuah adalah penzahiran yang perlu dihayati dan diamalkan sepenuhnya.

- i. Apa juga pelan dan program ke arah pembentukan sebuah negara maju yang stabil lagi makmur tidak akan tercapai jika negara terus dibelenggu dengan amalan rasuah.
- ii. Pelaksanaan program pembangunan berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta demi menjaga kesejahteraan rakyat dan negara.
- iii. Terus komited dalam melaksanakan pelan anti-rasuah nasional serta menyeru semua pihak untuk mendukung aspirasi ini agar setiap agenda pembangunan negara tidak terhakis oleh amalan rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa.
- iv. Tanamkan di dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan.

Buletin kali ini memaparkan pelbagai aktiviti menarik yang dilaksanakan oleh BPIA dan Unit Integriti Awam dan SBK dengan pengayaan mengikut norma biasa dan baru. Pengisian aktiviti pencegahan rasuah juga dirancarkan dengan persediaan organisasi komersial dalam menghadapi peruntukkan liabiliti korporat yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020 lalu. BPIA melalui buletin ini mengambil kesempatan untuk berkongsi persediaan syarikat konglomerat Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan Johor Corporation dalam menghadapi liabiliti korporat melalui pelaksanaan Anti Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 dan inisiatif pencegahan rasuah yang lain. Pada edisi akan datang sidang redaksi berharap pelbagai lagi syarikat komersial dapat berkongsi inisiatif pencegahan rasuah mereka untuk menafaatkan kita bersama.

Setinggi gunung seluas lautan penghargaan diberikan kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan e-Buletin BPIA Edisi 7 Tahun 2020. Walaupun berada di dalam kesibukan menjalankan tugas hakiki utama dan kekangan penularan wabak COVID-19 namun usaha untuk memutuskan rantaian rasuah tetap diteruskan. Semoga usaha murni ini memberikan banyak manfaat kepada pembaca semua.

KEPIMPINAN INTEGRITI ERA 2020

Pegangan utama yang perlu ada dalam diri setiap masyarakat Malaysia adalah mengutamakan integriti berbanding *opportunity* (peluang) atau memilih untuk berada di landasan integriti berbanding *opportunity*.

“Apa yang rakyat mahu ialah sebuah kerajaan yang bersih, berintegriti dan bebas rasuah. Kerajaan kepimpinan saya juga akan memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus kerajaan yang baik.”

Tan Sri Muhyiddin Yassin
Perdana Menteri
Malaysia

“It will be more meaningful when leaders such as myself and those in positions of authority can achieve integrity and trustworthiness, and an environment free of corruption and abuse of power”

Tun Dr Mahathir Mohamad
Mantan Perdana Menteri
Malaysia

“I am leaving my position with the fullest confidence that the MACC will continue to be uncompromising and tireless in the fight against corruption, irrespective of the position or political allegiance of the perpetrators.”

Pn. Latheefa Koya
Mantan Ketua Pesuruhjaya
SPRM

SEMUA WARGA KERJA SPRM PERLU TERUS KOMITED DALAM MEMERANGI RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA

“SPRM melihat kesungguhan dan betapa seriusnya agensi Kerajaan dan Swasta dalam memerangi gejala rasuah kerana telah menubuhkan Unit Integriti Agensi Awam dan Unit Integriti dan Governans yang berperanan memastikan setiap kakitangannya bebas rasuah.”

Dato' Shamshun Baharin bin Mohd. Jamil
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan) SPRM



PETIKAN TITAH DIRAJA PADA ISTIADAT PEMBUKAAN MESYUARAT PENGGAL KETIGA PARLIMEN KE-14

OLEH

YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH
RI'AYATUDDIN
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH



“Tanamkan dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan.

Apa juga pelan dan program ke arah pembentukan sebuah negara maju yang stabil lagi makmur tidak akan tercapai jika negara terus dibelenggu amalan rasuah.

Justeru, pelaksanaan program pembangunan berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta demi menjaga kesejahteraan rakyat dan negara.

Amanah dan tanggungjawab yang dijunjung dalam berbakti kepada negara dan rakyat jelata hendaklah terus dilaksanakan dengan sebaiknya secara profesional dan neutral tanpa mengira kaum, agama mahupun kedudukan.

Pada masa sama, rakyat diseru terus memberi kerjasama kepada kerajaan bagi meneruskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan negara.”



UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS BANK RAKYAT MELAKAR SEJARAH MENGANJURKAN FORUM INTEGRITI PERINGKAT NASIONAL

Forum Integriti Bank Rakyat 2020 (BRIF2020) telah dianjurkan pada 14hb Januari 2020 sebagai langkah pertama Bank Rakyat ke arah transformasi Bank Lestari di bawah Pelan Strategi BR25. *'Institutionalisation of Reforms in The New Malaysia'* merupakan tema yang telah dipilih sebagai tanda komitmen Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bank Rakyat untuk mewujudkan budaya tadbir urus yang serius dan mampan dalam industri perbankan dan warga kerjanya selari dengan pembaharuan aspirasi dan visi nasional dalam amalan terbaik tadbir urus.

Forum ini juga merupakan salah satu sumbangan Bank Rakyat sebagai entiti komersial terhadap agenda nasional. Wawasan dan pemikiran yang dikongsi dan diperolehi menerusi forum ini tidak hanya akan digunakan untuk memperkukuh Bank Rakyat, tetapi juga akan dikongsi dengan peserta-peserta forum. Relevannya, Bank Rakyat ingin memainkan peranan yang aktif sebagai peneraju dalam institusi perbankan melalui perancangan penubuhan Pusat Kecemerlangan.

Forum Integriti Bank Rakyat 2020: *Institutionalization of Reforms in the New Malaysia* (BRIF2020) dianjurkan oleh Bank Rakyat dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). BRIF2020 telah berjaya menghimpunkan seramai 985 orang peserta yang terdiri daripada golongan pemikir terkemuka, ahli akademik, pegawai kanan kerajaan dan ketua-ketua industri.

Forum ini merupakan inisiatif pertama oleh institusi kewangan di peringkat nasional pada tahun 2020 dengan fokus utama adalah untuk membincangkan dan menekankan kepentingan Penginstitusian Reformasi selaras dengan Pelan Anti-Rasuah Nasional/ *National Anti Corruption Plan* (NACP) yang telah dilancarkan pada 2019 semasa pasca PRU14 di bawah naungan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional/ *Governans, Integrity and Anti Corruption Center* (GIACC) di Jabatan Perdana Menteri.

Objektif utama BRIF2020 dianjurkan adalah untuk mengumpulkan dan berkongsi pengalaman, pandangan dan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usahanya untuk membangunkan Malaysia Baharu. Salah satu aspek penting dalam perjalanan ini adalah komitmen kerajaan untuk menginstitusikan reformasi di syarikat berkaitan kerajaan/ *government-link company* (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan/ *government-link investment company* (GLIC) seperti yang dinyatakan dalam NACP.

YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam bual bicaranya dengan Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Noripah Kamsu, mengutarakan pandangan yang tidak ternilai mengenai Malaysia Baharu pada masa akan datang.

Sesi 1: *Malaysia In 2030: Vision, Governance, Ethics And Sustainability Model Of Government-Linked Businesses*

Panel bagi sesi ini ialah Alizakri Alias, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ; Shahril Ridza Ridzuan, Pengarah Urusan Khazanah Nasional; Professor Jomo Kwame Sundaram, Ahli dalam Jawatankuasa Tindakan Ekonomi (EAC) dan Dr Hasnita Hashim, Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA).



Sesi 2: Bank Rakyat Conversations - Legacies In Transition: Reinvent Or Retain

Sesi ini merupakan perbincangan di antara Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Noripah Kamso, dan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad. Perbincangan ini tertumpu pada legasi yang dibina untuk Malaysia dalam usaha meningkatkan kemakmurannya berhubung GLC, Tadbir Urus, Kesejahteraan Bersama dan Dasar



Sesi 3: Pelancaran BRIF2020 dan Ikrar Bebas Rasuah oleh Pengurusan Bank Rakyat dengan disaksikan oleh SPRM.

Seramai 80 orang yang terdiri daripada jawatankuasa pengurusan dan wilayah Bank Rakyat melafazkan Ikrar Bebas Rasuah yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Urusan, Dato Rosman Mohamed dan disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato Shamsun Baharin bin Mohd Jamil. Ikrar Bebas Rasuah dilaksanakan di hadapan Perdana Menteri Malaysia, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MED), Ketua Setiausaha MED dan Pengerusi Bank Rakyat.

Lafaz ikrar itu adalah sebagai tanda pelancaran BRIF2020 serta akujanji pelaksanaan polisi tanpa hadiah.

Sesi 4 : Kata-kata Aluan oleh Dato' Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MED)

Dato' Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MED) telah mengalu-alukan kehadiran para peserta dan menyatakan komitmen kerajaan untuk membudaya dan menguatkuasa ketelusan, Integriti dan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat. Beliau juga menekankan bahawa dengan kehadiran para pembuat dasar, pakar dan wakil-wakil organisasi ternama telah menunjukkan kekuatan komitmen dalam memerangi rasuah dan membudayakan integriti. Beliau juga menzahirkan penghargaan terhadap komitmen serius dari Bank Rakyat dalam memupuk budaya tadbir urus yang baik serta memaklumkan bahawa Bank Rakyat merupakan Bank pertama menubuhkan Jabatan Integriti Korporat dengan diketuai oleh pegawai kanan SPRM.

Sesi 5 - *The Governance And Sustainability Of Shared Prosperity*

Sesi ini membincangkan dari perspektif tadbir urus dan kelestarian berhubung isu serta cabaran terhadap Model Kemakmuran Bersama dalam Perniagaan di Malaysia. Bagaimana pelaksanaan model ini dapat mengubah visi, proses kerja serta pengurusan di sektor awam dan swasta dan sebagainya. Ahli panel bagi sesi ini terdiri daripada Profesor Madya Mak Yuen Tee dari National University of Singapore (NUS); Rajni Bajpai, Pakar Sektor Awam di Bank Dunia; Profesor Dr Aishah Hj Bidin, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Vaseehar Hassan, Wakil Serantau Dallah Albaraka Holding Co dan Dato' Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sebagai Moderator.

Sesi 6: *Bank Rakyat Talk- Governance Gone Wrong, Reforms Required*

Penceramah utama sesi ini ialah Profesor Emeritus Dr Shad Saleem Faruqi, profesor undang-undang di Universiti Malaya; Dr Anis Yusal Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah Pusat Suruhanjaya Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional; Latheefa Beebi Koya, Ketua Pesuruhjaya SPRM; dan Premesh Chandran, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysiakini. Dato' Rosman Mohamed, pengarah urusan Bank Rakyat, Moderator sesi tersebut.

Ketika Malaysia terus bergerak ke arah perpaduan sambil meraikan kepelbagaian etnik dan budaya sebagai asas Malaysia Baru; pembaharuan diperlukan untuk menambahbaik pentadbiran. Perlaksanaan ini memerlukan pengenalan punca, metodologi penyelesaian serta langkah-langkah pencegahan dari berulang di masa depan.

Sesi 7: *Bank Rakyat Conversation Session 2: In Conversation With The Minister On Corporate Governance In Malaysia*

Sesi ini adalah perbincangan antara Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan ketua perniagaan mengenai keadaan tadbir urus korporat di Malaysia. Siapa yang harus menetapkan standard amalan terbaik perniagaan atau sektor swasta yang diterajui oleh kerajaan.

Panel diketuai oleh Datuk Muhamad Umar Swift, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bursa Malaysia dan anggotanya terdiri daripada Datuk Mark Rozario, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) General Electric Malaysia dan Mr. Arsalan Ahmed, CEO HSBC Amanah Malaysia dalam perbualan bersama YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Dalam forum ini, turut diadakan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah diketuai oleh Dato Rosman Mohamed, Pemangku Pengarah Urusan Bank Rakyat dihadapan YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, disaksikan oleh Dato Shamshun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan SPRM. Semasa sesi keenam berlangsung pada sebelah petang, Puan Latheefa Koya, Ketua Pesuruhjaya SPRM hadir sebagai panel. Majlis dimeriahkan dengan kehadiran TPj Junipah Wandu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengurusan dan Profesional SPRM, Pengarah Bahagian dan Negeri, pegawai-pegawai kanan SPRM ditempatkan di sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan.



MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA PEGAWAI SPRM YANG DITEMPATKAN DI AGENSI LUAR (MPSAL) SIRI 27 BIL. 1/2020

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM Bersama Pegawai Yang Ditempatkan Di Agensi Luar (MPSAL) Siri 27 Bil. 1 Tahun 2020 telah diadakan pada 6 Februari 2020 di Ibu Pejabat SPRM yang dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM. Mesyuarat ini melibatkan seramai 116 kehadiran yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pegawai SPRM yang ditempatkan di Agensi Luar.

Mesyuarat ini membincangkan berkenaan pelaksanaan Unit Integriti (UI) yang diwujudkan selaras dengan Pekeliling Bilangan 6 tahun 2013 (Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam) dan Arahan YAB PM No. 1 Tahun 2018 (Penubuhan IGU SBK).

Selain itu satu sesi pembentangan tetap oleh Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat (BPRM) bertajuk 'Perangkaan Penerimaan Dan Tindakan Yang Telah Diambil Ke Atas Maklumat Yang Dikemukakan Oleh Unit Integriti' telah diadakan dalam mesyuarat tersebut.



DISKUSI MEJA BULAT: UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (SBK)

6 Mac 2020 - Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) dengan kerjasama FGV Holdings Berhad telah menganjurkan Diskusi Meja Bulat/ *Round Table Discussion* (RTD) Unit Integriti dan Governans (IGU) SBK bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Seramai 15 peserta telah menghadiri sesi RTD ini.

RTD merupakan salah satu platform untuk perkongsian amalan terbaik dikalangan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) SBK serta membincangkan isu-isu berkaitan tadbir urus/ governans dan tindakan penyelesaiannya.

3 sesi pembentangan amalan terbaik:

- i. Pembentangan SAI360 *E-Learning And GRC Solution - Helping You To Prepare For The New Anti-Corruption Law* oleh Mr. Tan Hak Yek, Pengarah Urusan GRC Partners Asia LTD;
- ii. Pembentangan dan perkongsian ISO37001:2016 (ABMS) oleh PPj Hairuzzaki bin Mohd Yusof, Johor Corporation; dan
- iii. Pembentangan pelaksanaan *whistleblowing* oleh PsK Farizal Muzaffar Hafiz bin Abdul Wahab, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).




STATISTIK PENEMPATAN PEGAWAI SPRM DI AGENSI AWAM DAN SYARIKAT BERKEPENTINGAN KERAJAAN

(Kemaskini sehingga 1 Julai 2020)

AGENSI AWAM

68 PEGAWAI SPRM / 49 AGENSI



SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN
11 SYARIKAT AGENSI

14
PEGAWAI

JUMLAH
KESELURUHAN:

82
PEGAWAI

RISK RATING AND SECTION 17A CORPORATE LIABILITY: NEW NORMS FOR MALAYSIAN CORPORATION

Why is our company being risk-rated by MACC? Is the risk rating related to MACC's corporate liability provision? These are among the frequent questions that reached BPIA's mailbox recently. Besides Covid-19 related new norms, the enforcement of MACC's corporate liability provision might also be an additional neoteric norm for commercial organizations in Malaysia. This brief write-up will try to resolve certain issues on Section 17A of MACC Act 2009 in relation with BPIA functions and responsibilities.

As the monitoring hub for the integrity units in Malaysia, BPIA is currently conducting risk rating on every Government-linked Companies (GLCs). The risk rating is conducted based on YAB Prime Minister's Directive 2018 which dictated every GLCs to establish its own integrity unit aka Integrity and Governance Unit (IGU). The main purpose of the risk rating is to ascertain the pertinent structure of IGU to be adopted by GLCs. This risk rating is purely administrative in nature and cannot be associated with the overall performance of GLCs. In determining the risk, two factors will be considered namely the threat of corruption occurrences in GLCs and the vulnerability in relation to corruption incidents. In determining the threat of corruption occurrences, MACC's in-house data such as the number of corruption-related information received, the quantity of investigation handled and the number of arrested persons related to a particular GLCs will be evaluated. As regards to the degree of vulnerability in connection with corruption incidents, GLCs' internal particulars such as the percentage of government's shareholding, the political involvement among members of the board of directors, additional financial fund by government's and the value of government's projects received will be considered and analysed. As the result, GLCs will be risk-rated either high, medium or low.

The question is, which company can be considered as GLCs? What is the definition of GLCs?

Based on GLCs Transformation Manual 2005, GLCs are defined as companies that have a primary commercial objective and in which the Malaysian Government has a direct controlling stake. Controlling stake refers to the Government's ability (not just percentage ownership) to appoint board of director members, senior management, and make major decision such as contract awards, strategy, restructuring, financing, acquisitions and divestments for GLCs either directly or through Government-linked Investment Companies (GLICs). This definition may be accurate for the purpose of Malaysian GLCs coordination programme and we believe that this definition is still being utilized by most of the Malaysian commercial organizations.

As for BPIA, we have broadened the definition of GLCs based on MACC Act 2009. Based on our definition, companies are considered linked to Malaysian Government if the Malaysian Government has controlling powers or interest in the company. Under this new definition, instead of focusing on government controlling powers, GLCs are also determined based on government's interest in every company. As long as the Malaysian Government has an interest in the company, even a single share in the company's shareholding, the company will be considered as GLCs. This means that even though the Malaysian Government has no direct controlling powers or essential influences in the company, the company still can be considered as GLCs merely based on the government's shareholding. By having this definition, BPIA will be able to monitor and coordinate anti-corruption management in every company which relates to the government's money vis-a-vis people's money. As the national corruption buster, the public interest is a matter of the utmost importance.

The next issue is the nexus between the risk rating and MACC's corporate liability provision. We will clarify this issue by way of illustration. ABC Sdn Bhd is a GLCs by way of BPIA's definition but unfortunately, the company's management team did not notice that they are GLCs.

¹ BPIA (Agency Integrity Management Division) is one of the divisions under Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). BPIA is the sole entity to supervise, monitor and coordinate integrity units in the public sector and government-linked companies (GLCs) in Malaysia.

At the same time, risk rating was not conducted for ABC Sdn Bhd due to some technicalities. In such a situation, can ABC Sdn Bhd claim that they are not subjected to MACC's corporate liability provision because there is no risk rating issued for ABC Sdn Bhd? The answer to this question must be in the negative. In general, this new provision is applicable to all companies notwithstanding any risk rating been conducted or not. As long as the requirements under the corporate liability provision are fulfilled, the company can be found liable under the provision. In ABC Sdn Bhd scenario, even though they did not realize that they are considered as GLCs, ABC Sdn Bhd must comply with the corporate liability provision by taking reasonable and proportionate measures to prevent corruption and inculcate integrity based on the guidelines issued by the Minister. Even without the issuance of risk rating by BPIA, ABC Sdn Bhd should assign and adequately resource, a competent person or function to be responsible for all anti-corruption compliance matters based on the Minister's guidelines.

By saying the above, can GLCs consider risk rating do not have any relation with the corporate liability provision? Can GLCs simply ignore the risk rating issued by BPIA? The answer to each question is definitely in the negative. As mentioned before this, risk rating was conducted mainly by virtue of YAB Prime Minister's Directive. The outcome of the risk rating is part of government policies to enhance integrity and promotes anti-corruption management within GLCs. Any attempt by any GLCs to disregard these policies, in all probability, will render anti-corruption measures taken by the said GLCs inadequate. In a nutshell, every government policy relating to anti-corruption and integrity enhancement must be adopted in toto by GLCs before they can invoke Sub-section (4) of Section 17A of MACC Act as their defence.

In summary, the main objective of having section 17A of MACC Act and all related policies is to foster the growth of a business environment that is free of corruption. Let's join hands and work together to make this country glorious without corruption.

-TPj Saiful Ezral bin Ariffin

¹ Section 4 of Malaysian Anti-Corruption Commission (Amendment) Act 2018 (Act A1567)

¹ Prime Minister's Directive, No. 1 of 2018, Series 1 No. 1 of 2018, Enhancement of Governance, Integrity and Anti-Corruption in the Administration Management of Malaysia, Establishment of Integrity and Governance Unit in Government Linked Companies (GLCs), Companies owned by the Ministry and Government Agencies including the State Government

¹ Putrajaya Committee on GLC High Performance (PCG) Official Portal (accessed on 3/8/2020)

¹ Section 3 Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694) – Definition of "public body"

¹ Guidelines on Adequate Procedures, Prime Minister's Department.

PERSEDIAAN MENGHADAPI LIABILITI KORPORAT:

MRCB

Perubahan ketara amat dirasai di dalam dunia perniagaan yang mana memerlukan setiap pemain industri untuk turut peka dan bersama mengorak langkah demi memastikan kerancangan ekonomi negara yang kini berhadapan dengan situasi yang amat mencabar. Di dalam ketidaktentuan pasaran global dan domestik, mahu atau tidak ianya perlu terus didepani tidak kira apa jua jenis perniagaan yang diceburi. Rasuah yang sering menjadi topik hangat dan mendapat perhatian masyarakat dan media bukan sahaja menarik minat rakyat namun juga memberi kesan tersendiri buat pelabur asing. Ini sudah tentu menjejaskan ekonomi apabila tarikan pelabur melalui “foreign direct investment” merencatkan pertumbuhan disebabkan isu dan masalah berkaitan rasuah. Lihat sahaja kesannya terhadap negara berhubung kes 1MDB dan beberapa lagi kes berprofil tinggi yang sedang dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah. Perjuangan bukan sahaja masih belum selesai, malah nampaknya baru bermula. Sebagai pegawai SPRM, kita melalui pelbagai kepayahan dan tujuan masih jauh untuk dicapai apatah lagi untuk digapai.

Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) sebagai sebuah entiti berkepentingan kerajaan amat memandang serius akan perkara ini dan menyambut baik saranan dan hasrat kerajaan atas segala usaha pencegahan yang dilakukan. Dalam meningkatkan nilai integriti, tadbir urus dan governans, MRCB percaya bahawa penglibatan semua individu termasuk pemain industri, masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan, pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang awam perlu untuk membebaskan negara ini daripada belenggu jenayah rasuah. Sebagai persediaan MRCB menghadapi liabiliti korporat yang telah pun mula berkuatkuasa pada 1hb Jun 2020, MRCB telah melaksana dan

mengambil tindakan bersesuaian sebagai suatu langkah yang dimaksudkan sebagai “tatacara mencukupi” atau “adequate procedure”. Sebagai sebuah institusi yang ditakrifkan sebagai organisasi komersil, MRCB perlu memastikan langkah-langkah ini bukan sahaja menepati kehendak peruntukan namun mampu memberi kesan kepada perkembangan industri yang seharusnya bebas dari cengkaman jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan malahan juga jenayah komersil yang lain. Sebelum ini, kesan daripada gejala ini amat ketara dan tidak memberi keadilan kepada pihak yang terlibat selain kesannya kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial. Pengenalannya amat disambut baik oleh pemain industri. Sudah tentu sebagai pegawai SPRM yang diamanahkan untuk melaksanakan fungsinya di MRCB, saya mengambil kesempatan ini untuk berkongsi dengan rakan-rakan mengenai persediaan dan langkah yang dilakukan supaya ianya dapat diperbincangkan dan mungkin boleh diperbaiki dari masa ke semasa.

Pengenalan Polisi Anti Rasuah, Integriti & Governans

MRCB mengamalkan konsep toleransi sifar atau “zero tolerance” terhadap semua bentuk rasuah dengan memperkenalkan garis panduan anti rasuah atau “Anti-Bribery Corruption Manual” singkatannya “ABC Manual”. Di dalam garis panduan ini telah dinyatakan dengan jelas berhubung prinsip dan panduan khusus bukan sahaja terpakai untuk setiap lapisan pekerja namun juga kepada setiap pembekal, agen, konsultan, sub-kontraktor, atau mana-mana yang mempunyai perkaitan dan hubungkait dalam perniagaan sekiranya berhadapan dengan keadaan yang bersangkutan dengan isu rasuah termasuk jenayah yang lain ataupun salah laku.

Seperti kebanyakan syarikat berkepentingan kerajaan atau GLC yang lain, ABC Manual yang diperkenalkan ini telah dibangunkan sendiri oleh MRCB dengan mengambil kira pengalaman yang dilalui, hasil khidmat nasihat agensi termasuk SPRM dan GIACC, serta turut mengambil kira pengurusan risiko rasuah setiap bahagian yang wujud.

Selain itu, MRCB turut mengamalkan konsep keterbukaan dan ketelusan serta menggalakkan pekerja dan pihak ketiga untuk mendedahkan sebarang salah laku atau jenayah

termasuk rasuah kepada bahagian yang dipertanggungjawabkan. Selaras dengan Arahan Perdana Menteri Bilangan 01/2018 berhubung penubuhan Integrity & Governance Unit (IGU) di setiap SBK, maka MRCB turut menubuhkan unit ini yang dikenali sebagai Unit Integriti dan Disiplin. Segala pendedahan boleh disalurkan menerusi www.whistleblowing@mrcb.com yang mana MRCB turut menerima pendedahan daripada pihak ketiga. Pendedahan ini akan diambil tindakan sewajarnya dengan penuh kerahsiaan demi memastikan perlindungan terhadap pemberi maklumat serta pengakhiran melalui siasatan terhadap isu yang didedahkan. Sehingga kini, MRCB telah menerima sebanyak lima (5) pendedahan atas isu yang turut memberi kesan kepada MRCB.


Antara polisi-polisi yang telah dibangunkan dan telah digunapakai selain yang dijelaskan dalam *ABC Manual* ialah:

- *Conflict of Interest Policy*
- *Due Diligence Policy*
- *Sexual Harassment Policy*
- *No Gift Policy*
- *Whistleblowing Policy*
- *Referral Policy*
- *Gifts, Hospitality, Donations and Similar Benefits Policy*
- *Group Procurement Policy*

Anti-Bribery Management System (ABMS) ISO 37001:2016

MRCB telah menerima pensijilan di bawah sistem pengurusan anti rasuah atau *Anti-Bribery Management System (ABMS) ISO 37001:2016* pada 26hb Disember 2019 daripada UNiCERT, sebuah entiti pakar yang dikenali di peringkat antarabangsa. “*Tone from the top*” amat penting dalam memastikan agenda anti rasuah ini betul-betul dipraktikkan dan MRCB turut menjadikan nilai-nilai ini sebagai asas perniagaannya menerusi slogan “*Setting The Standard*” yang mana MRCB berhasrat untuk menjadi peneraju bukan sahaja dalam industri namun juga peneraju kepada nilai-nilai integriti dalam perniagaan atau urusan yang diceburi.

MRCB menyediakan langkah-langkah kawalan berkaitan risiko rasuah yang mungkin dihadapi oleh pekerja, pegawai awam, atau pihak ketiga. Bercakap mengenai pihak ketiga, MRCB berhadapan dengan para pembekal, agen, penasihat atau konsultan, sub-kontraktor, pengilang, pengusaha, dan pelbagai lagi pihak di mana semua pihak ketiga ini perlu patuh kepada kehendak peruntukan di dalam akta dan polisi yang dikuatkuasakan. Demi memastikan MRCB menjalankan urusan dengan pihak ketiga yang patuh kepada syarat dan peraturan yang ketat ini, MRCB telah memperkenalkan:



Untuk mencapai piawaian pensijilan ABMS ISO 37001:2016, MRCB telah mengenalpasti individu yang kompeten bagi melaksanakan pengauditan dalaman yang memberi impak optimum dengan langkah-langkah pencegahan anti rasuah. Ini dilihat bersesuaian dengan penglibatan urusniga MRCB yang bukan sahaja melibatkan industri di negara malah cabang perniagaan yang diceburi di negara asing. Seramai 24 kakitangan telah diberikan latihan sebagai juruaudit ISO 37001 terhadap 12 bahagian yang diwujudkan dalam organisasi. 2 peringkat auditan telah dijalankan oleh badan pensijilan atau “certification body” untuk mendapatkan jaminan bahawa organisasi ini menjalankan operasi mengikut pematuhan yang ditetapkan. Dapatan audit adalah seperti berikut:

Peringkat Auditan	Tarikh	Dapatan Auditan	Catatan
Pertama	8hb Julai 2019	7 penemuan ketidakpatuhan	Semua telah diselesaikan pada 29hb Ogos 2019
Kedua	21hb Oktober 2019	4 penemuan ketidakpatuhan	Semua telah diselesaikan pada awal Disember 2019

Latihan dan Komunikasi

MRCB turut memberikan latihan dan membentuk modul latihan yang bersesuaian dengan peringkat pekerjaan. Selain itu, segala mesej penting dan peringatan anti rasuah akan disebarkan menerusi latihan ini. Latihan ABMS tetap dijalankan setiap bulan terhadap semua lapisan kakitangan MRCB termasuk polis bantuan. Sehingga kini, penyertaan yang direkodkan hasil dari latihan yang dijalankan adalah seperti berikut:

PESERTA	BILANGAN PESERTA
KAKITANGAN	1215
POLIS BANTUAN	105
PIHAK KETIGA	85
JUMLAH KESELURUHAN	1405

Pada suku tahun ketiga tahun 2020 ini, Unit Integriti dan Disiplin (IDD) akan melaksanakan ujian untuk menilai dan melihat keberkesanan pelaksanaan langkah pencegahan anti rasuah di peringkat organisasi. Hasil penilaian ini kelak, maka satu modul latihan khusus akan dirancang bagi memberi kesan yang lebih ketara kepada kakitangan MRCB dan pihak ketiga dengan turut menggunakan kaedah baru yang lebih efisien iaitu melalui kaedah *E-Learning* yang dibangunkan sendiri oleh kakitangan dalaman.

Dalam pada masa yang sama, MRCB turut menyebarkan mesej-mesej anti-rasuah dengan slogannya “MRCB’s zero tolerance to all forms of bribery and corruption” serta “Setting the standard” juga dengan pelbagai peringatan lain melalui komunikasi dengan semua pihak yang menjalankan urusniaga tidak kira kakitangan pelbagai lapisan dan juga pihak ketiga melalui bunting, poster di setiap tapak projek, paparan LED, penyiaran video anti rasuah yang mengandungi mesej polisi digunapakai termasuk “No Gift Policy”, “Whistleblowing Policy”, “Conflict of Interest Policy” dan sebagainya.

Peringatan berhubung “No Gift Policy” telah mula disebarkan sejak Januari 2020 secara berkala dan laman rasmi MRCB akan sering dikemaskini dan dipaparkan mengenai sebarang pengenalan atau penambahan polisi digunapakai. MRCB turut menghasilkan *e-book* ABMS yang diedarkan kepada semua kakitangan dan pihak ketiga semasa latihan dijalankan.

Segala usaha yang dirancang dan diperkenalkan MRCB dengan memperkenalkan sistem pengurusan anti-rasuah (ABMS) ISO 37001, polisi pencegahan anti rasuah, latihan dan komunikasi dilakukan bukan sahaja untuk memastikan organisasi ini bersedia untuk menghadapi liabiliti korporat yang berkuatkuasa di negara kita, ianya dibangunkan secara khusus kakitangan MRCB bagi mengukuhkan nilai-nilai integriti di kalangan kakitangan yang merangkumi pelbagai lapisan serta pihak ketiga. MRCB melihat bahawa integriti bukan sahaja memberi kesan yang dapat dilihat atau “*tangible*”, malah ianya turut memberi kesan “*intangible*”. Bukan setakat merealisasikan hasrat dan saranan kerajaan, malah ianya merupakan deklarasi pengurusan tertinggi MRCB.

Saya turut berpeluang untuk bersama-sama wargakerja MRCB dan diberikan kesempatan untuk turut terlibat dalam setiap aspek pencegahan anti rasuah yang dilaksanakan. Walaupun tidak dapat memberikan jaminan bahawa rasuah tidak akan berlaku di organisasi ini, tetapi saya merasakan perubahan ketara banyak berlaku dikalangan kakitangan dan pihak ketiga. Saya berharap supaya organisasi ini serta organisasi yang mana rakan-rakan seperjuangan SPRM ditempatkan akan sentiasa istiqamah dalam perjuangan kita ke arah peperangan ini.

Perjuangan ini tiada noktahnya, ianya akan selalu dinodai oleh si pelaku rasuah yang rakus mengejar kemewahan duniawi. Semoga Allah SWT jua memberikan hidayah dan kekuatan kepada kita semua dan mempermudah segala urusan kita.

Sekian sahaja, semoga artikel ini dapat memberi sedikit sebanyak perkongsian atas langkah dan persediaan pihak MRCB untuk tatapan semua rakan perjuangan.

Farizal Muzaffar Hafiz bin Abdul Wahab
Pegawai Integriti SPRM di MRCB

“RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA” / “ABHOR CORRUPTION, UPHOLD PRIDE”
“SETTING THE STANDARD” / “ZERO TOLERANCE TO ALL FORMS OF BRIBERY”



PERSEDIAAN MENGHADAPI LIABILITI KORPORAT:



1 JUN 2020

TARIKH KUATKUASA SEKSYEN 17A
LIABILITI KORPORAT AKTA SPRM 2009

Sudahkah kita bersedia?



Zulfikri Ab. Manaf
Ketua Pegawai Integriti & Governans
Telekom Malaysia Berhad

“
Setiap keputusan dan tindakan yang
diambil akan memberikan impak
yang besar kepada TM.
”

Pada tarikh 1 Jun 2020 telah berkuat kuasanya pelaksanaan Peruntukan Seksyen 17A Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Selaras dengan penguatkuasaan peruntukan tersebut, TM telah melaksanakan perbagai inisiatif untuk memperkasakan nilai integriti di kalangan warganya. Selain daripada itu TM telah menggesa warganya menghayati serta mempamerkan budaya kerja yang beretika dalam setiap urusan kerja di TM.

Setiap keputusan dan tindakan yang diambil akan memberikan impak yang besar kepada TM.

Sehubungan dengan itu, pengurusan TM dan kakitangan sentiasa diingatkan supaya melaksanakan amalan kerja berintegriti yang berlandaskan polisi-polisi syarikat dan undang-undang yang ditetapkan.

"Whoever is careless with the truth in small matters cannot be trusted in important matters"

- Albert Einstein



The time is always right to do what is right.

Martin Luther King -

AKTIVITI BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI (BPIA)



Tahniah

YBhg. Dato' Junipah binti Wandu atas kenaikan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme). Tanda penghargaan dan kasih sayang warga BPIA kepada YBhg. Dato' Junipah binti Wandu, sebuah majlis silaturrahim telah diadakan pada 20.01.2020 (Isnin) bertempat di Rose Lounge, Clubhouse, Taman Equestrian Putrajaya.





Dari Kiri

Gambar 1: Perbincangan IGU dengan Senior Director dan Pegawai NCER pada 6 Januari 2020.

Gambar 2: Sesi keterlibatan dengan PLUS Malaysia Berhad pada 30 Januari 2020.

Gambar 3: Sesi keterlibatan dengan Syarikat Melaka Central pada 6 Februari 2020.

Gambar 4: Sesi keterlibatan penempatan Pegawai SPRM dengan Syarikat Jambatan Kedua Sdn Bhd pada 31 Januari 2020.

Gambar 5: Sesi keterlibatan IGU dengan Automotive Robotics and IOT Institute (MARii) pada 3 Februari 2020.



Dari Atas
Gambar 1: Sesi dialog Pegawai Unit Integriti SPRM (Gred P44) pada 6 Februari 2020 di Ibu Pejabat SPRM

Gambar 2: Sesi keterlibatan dengan NIBM.

Gambar 3: Sesi keterlibatan dengan Petronas.

Gambar 4: Sesi keterlibatan dengan Unit Integriti SUK Pulau Pinang.



Dari Atas

Gambar 1: Sesi keterlibatan dengan SUK Kedah

Gambar 2: Perbincangan status Penarafan Risiko bersama Khazanah Nasional Berhad

Gambar 3: Sesi keterlibatan dengan CIMB Bank pada 13 Februari 2020.

Gambar 4: Sesi keterlibatan Clinical Research Malaysia

Gambar 5: Sesi keterlibatan bersama BURSA

Gambar 6: Sesi keterlibatan penempatan bersama Bank Simpanan Nasional



Dari Kiri

Gambar 1 dan 2: Lawatan Networking ke JPA

Gambar 3 Sesi Penyerahan Tugas Pengarah BPIA pada 13 Februari 2020.

Gambar 4: Sesi keterlibatan bersama SME Bank pada 17 Februari 2020.

Gambar 5 dan 6: Mesyuarat KUI Kementerian, Kerajaan Negeri, Jabatan/Agensi Risiko Tinggi dan Sederhana Tahun 2020 pada 12 Mac 2020, jam 9.00 pagi di Dewan Parameswara, SPRM Negeri Melaka.





Dari Atas


Gambar 1 dan 2: Sesi keterlibatan bersama KUI Kementerian, Kerajaan Negeri, Jabatan/Agensi Risiko Tinggi dan Sederhana pada 12 Mac 2020, jam 3.00 petang di Dewan Parameswara, SPRM Negeri Melaka.

Gambar 3 dan 4: Mesyuarat Naziran bersama KPLB.

Gambar 5: User Acceptance Test - Sistem Pelaporan Unit Integriti Agensi Awam (AIMS) pada 16 Jun 2020 di Makmal Komputer CTMK, Aras 13, Blok B, Ibu Pejabat SPRM.




Taklimat Pengarah BPIA bersama SEDCO dan anak syarikat melalui aplikasi Zoom




Sesi keterlibatan T1 dengan KUI KKM secara atas talian pada 5 Jun 2020



Perbincangan secara Video-call berjaya dilaksanakan antara BPIA dan CIGO Bank Rakyat



Sesi keterlibatan BPIA dengan HRDF pada 5 Jun 2020



AKTIVITI UNIT INTEGRITI AWAM / SWASTA (PROGRAM / BENGKEL INTEGRITI)




Bengkel Kewangan KDN
di Grand Lexis Port
Dickson pada 6 Mac 2020




Program Diskusi
Isu-Isu Integriti Semasa,
Anjuran bersama
MOT dan JPJ
pada 3 Mac 2020



KUI SPA menyampaikan
Taklimat Integriti kepada
21 orang kakitangan N19
sebelum ditempatkan di
bahagian-bahagian di
SPA



Program Diskusi
Isu-Isu Integriti Semasa,
Anjuran bersama
MOT dan JPJ
pada 3 Mac 2020




Sesi perbincangan UI dan Ombudsman Negeri bersama Development Bank of Sarawak Bhd (DBOS) melalui ZOOM Meetings

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TAKLIMAT KEPADA YBHG. DATO' HJ. SHAMSUL NAJMI BIN SHAMSUDDIN SETLAUSAHA POLITIK MENTERI KESIHATAN MALAYSIA 4 JUN 2020 (KHAMIS) @ 3.30 PETANG

Taklimat kepada SUPOL oleh Dato' Wan Ramli bersama P/PPj Zawawi pada 4 Jun 2020



INTEGRITI BERKUALITI DAN BERHATI!



Taklimat Pengurusan Tatatertib Jabatan pada 26 Februari oleh Jabatan Integriti DBKL




Sesi Program Awareness dianjurkan oleh Sarawak Land Consolidation & Rehabilitation Authority (SALCRA) secara virtual pada 10 Jun 2020 dengan 4 topik utama iaitu OACP / S.17A / Amalan Berintegriti / Akta Perlindungan Pemberi Maklumat



Perbincangan antara Perkeso dan SPRM anjuran Bah. Integriti Perkeso dalam siasatan tuntutan palsu dikalangan orang-orang berinsuran membabirakan hampir RM 30 Juta pada 11 Jun 2020 di Menara Perkeso, Kuala Lumpur



Hadir dalam perbincangan ialah Dato' Sri Mohammed Azman, Ketua Eksekutif Perkeso, KPKPj Hasbillah, Pengarah SPRM Putrajaya, KPKPj Jamil, Ketua Bahagian Integriti dan beberapa pegawai kanan SPRM dan Perkeso



Ketua Setiausaha
Kementerian Alam Sekitar dan Air




1. Perutusan Pengerusi [25 minit]
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Pengurusan Bil. 5/2020
3. Perkara-perkara Berbangkit [15 minit]
4. Kertas Pembentangan
 - (i) Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah dalam Perkhidmatan Awam oleh Pegawai Siasatan Unit Integriti [10 minit]
 - (ii) Projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) oleh Setiausaha (Bahagian Kewangan dan Pembangunan) [10 minit]

Sesi pembentangan/perkongsian Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998 oleh UI Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) kepada Pengurusan Tertinggi KASA, Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian



UI KDN mengurusetiakan Pembentangan deraf RUU IPCMC pada 12 Jun 2020, yang baru ditambah baik setelah kajian dibuat merujuk kepada contoh IOPC (*Independent Office for Police Conduct*) dan *The Directorate of Professional Standard (DPS) Metropolitan Police Service UK* kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri 1, bagi tujuan untuk dibentangkan di Parlimen



Pembentangan AOCIP
MINDEF 2020-2023



PESANAN INTEGRITI

Petikan Titah Diraja Sempena Pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Ke-14, 18 Mei 2020



Beta menggesa agar kerajaan beta untuk terus komited dalam melaksanakan pelan anti-rasuah nasional. Beta menyeru semua pihak untuk mendukung aspirasi ini agar setiap agenda pembangunan negara tidak terhakis oleh amalan rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa.

Tanamkan di dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa **rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan.**

- Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah R'ayatuluddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah -

UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA/unitintegriti@mod.gov.my
03-2071-2084

Titah Integriti Kementerian Pertahanan

Mesej Integriti UI KKM Siri 6/2020

COVID-19
#sakaIntegriti
#dukudirumah
#bijajagajika



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

PEGAWAI DIINGATKAN

- Menggunakan teknologi sedia ada untuk melaksanakan tugas yang diberi
- Tidak menyalahgunakan media sosial dalam waktu pejabat contohnya memuatnaik gambar masakan dan makanan di facebook / instagram / status @ mana-mana saluran media pada waktu 7.30 pagi-6.00 petang

"PEGAWAI YANG MELANGGAR ARAHAN, BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN SEHINGGA DIBUANG KERJA"
[Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) P.U.A [395] 1993]

TATATERTIB



BUANG KERJA

Unit Integriti, Kementerian Kesihatan Malaysia
Ara 5, Blok E3, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya
integriti@mh.gov.my 03-8992 4758 / 4899 Unit Integriti, KKM

Peringatan Integriti Bil. 1/2020

HADIAH MENJADI RASUAH APABILA :



- Pemberi dan penerima mempunyai hubungan rasmi.
- Pemberian hadiah mempengaruhi keputusan penerima.
- Nilai hadiah tidak sepadan dengan maksud hadiah diberi.

Seksyen Integriti, UKAS, JPM

Peringatan untuk Warga UKAS

IKHLAS dan AMANAH Dalam BEKERJA
— JABATAN INTEGRITI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR —

"Bekerjalah dengan IKHLAS kerana keikhlasan membawa ketenangan"

"Sesungguhnya Allah menyerahkannya kepada yang berhak menerimanya"
(Al-Nisa': 58)

Bekerja dengan TEKUN dan merasa satu KEPUASAN kerana dapat melaksanakan TANGGUNGJAWAB

PESANAN INTEGRITI BIL.2/2020
JABATAN INTEGRITI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pesanan Integriti DBKL Bil. 2/2020

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM TERMASUK DI MEDIA SOSIAL

Pegawai Awam tidak boleh secara rasmi atau bertulis membuat pernyataan awam yang berikut:

- memuatkan dalam, merancang atau keputeraan korang tentang apa apa isu, demi atau
- memuatkan atau membicarakan nama Korang.

Larangan tersebut kerana ia telah ditetapkan secara rasmi dan jelas di dalam Peraturan (S.R.) dan (C) - Peraturan Perundangan Pegawai Awam (Majlis dan Lembaga) 1993 (P.U.A. 1993/1993).

Sehubungan kepada peraturan ini membolehkan tindakan disiplin dikenakan ke atas pegawai awam berkenaan.

BUKAN SURAT KEWAJIBAN PERKHIDMATAN AWAM
BIL. JPA 832040/7-4 (14) - SAKSI, 13 JULAI 2014

Ditulis oleh Unit Integrasi, Kementerian Pendidikan Malaysia
Taman 66, Kuala Lumpur 50450 | Faksimili: 63 60111111

Jun 4, 2020


Mesej Integriti Siri 5/2020 - KPM

Peringatan Integriti Bil.2/2020

MENGEMUKAKAN SIJIL CUTI SAKIT PALSU atau MEMINDA SIJIL CUTI SAKIT bukan sahaja melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2) (f) dan (g) [P.U.(A) 395/1993] tetapi juga merupakan kesalahan di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan seksyen 471 Kanun Keseksaan.

Peringatan Integriti untuk Warga UKAS

TINDAKAN OPERASI INTEGRITI



Pemantauan Pematuhan Tindakan Operasi dan Tugas Harian Pejabat Cawangan Lembah Pantai pada 8 Januari 2020 oleh Jabatan Integriti DBKL



Pemeriksaan Pematuhan SOP oleh Kontraktor ke atas kerja pembersihan di Perumahan Awam (PA) Sri Labuan, Bandar Tun Razak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 6 Februari 2020 oleh Jabatan Integriti DBKL

PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK

Johor Corporation (JCorp) terus mengorak langkah di dalam usaha untuk meningkatkan tadbir urus korporat di dalam aktiviti perniagaan di JCorp dan Syarikat Dalam Kumpulan dengan menjadi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pertama di Malaysia yang telah dianugerahkan persijilan ISO 37001:2016 di dalam Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS). Ia dilihat selaras dengan salah satu Bidang Keutamaan di dalam Pelan Antirasuah Nasional iaitu Integriti di Dalam Perniagaan. Antara faedah dan kelebihan sistem ini, ia dilihat dapat dijadikan perisai oleh syarikat daripada dikenakan tindakan kesalahan liabiliti korporat di bawah seksyen 17A Akta SPRM 2009 pindaan 2018.

Bermula seawal bulan Januari 2019, usaha ke arah pensijilan telah giat dilaksanakan di peringkat JCorp dengan penganjuran pelbagai bengkel seperti Bengkel Pelaksanaan ABMS, Bengkel Audit Dalam ABMS, Bengkel *Bribery Risk Assessment* dan Bengkel Meja Bulat OACP. Usaha ke arah pensijilan tersebut telah mendapat kerjasama yang kukuh dikalangan anggota pekerja JCorp, Pengurusan Tertinggi dan juga Ahli Lembaga Pengarah JCorp. Sokongan pihak Pengurusan Tertinggi JCorp dibuktikan dengan keputusan untuk menghantar seramai 6 anggota pekerja JCorp untuk mengikuti Kursus *Lead Auditor* ABMS dan hasilnya kesemua mereka berjaya diberikan pentauliahian setelah berjaya lulus ujian yang disediakan.

Hasil kepada usaha secara berterusan oleh JCorp dan komitmen anggota pekerjanya, akhirnya pada 31 Oktober 2019, JCorp telah dianugerahkan pensijilan ISO 37001:2016 dalam Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS). Kini usaha-usaha perlu ditumpukan ke arah pemantauan ke atas kesemua klausa-klausa yang terdapat di dalam Standard ABMS demi memastikan pensijilan ini terus dapat diperbaharui dalam tempoh 2 tahun. Semoga usaha JCorp ini dapat dijadikan aspirasi untuk semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di Malaysia untuk turut mendapatkan pensijilan ini demi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih dan bebas rasuah di Malaysia.



JOHOR CORPORATION dan Syarikat Dalam Kumpulan dianugerahkan Persijilan ISO 37001:2016 dalam Anti-Bribery Management System (ABMS)



SURAT LAYANG DALAM SEKTOR AWAM LAYAN ATAU TIDAK?

Pada bulan Mac baru-baru ini, penulis telah menghadiri satu mesyuarat dan salah satu perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat tersebut adalah berkaitan surat layang. Surat layang sering kali dikaitkan dengan surat yang digunakan untuk mendedahkan perkara buruk seseorang individu. Surat layang yang dikenali juga dengan nama surat terbang, surat kaleng, surat gelap dan surat buta diertikan sebagai surat yang tidak diketahui penulisnya yang biasanya mengecam, menyebarkan berita buruk atau berita palsu. Golongan yang paling berisiko dikaitkan dengan surat layang adalah daripada golongan pemimpin dalam hampir semua cabang profesion. Pemimpin dan surat layang, jika tidak keterlaluan, boleh digandingkan bagai irama dan lagu, tidak dapat dipisahkan. Buruk atau baiknya kesan surat layang bergantung kepada tujuan surat layang itu dibuat. Walau bagaimanapun, penama yang dinamakan di dalam surat layang tersebut, sememangnya akan menerima kesan buruk.

Persoalan penting yang menjadi fokus penulis adalah, apakah amalan yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah organisasi atau agensi awam secara khususnya terhadap surat layang? Adakah surat layang patut diambil tindakan lanjut atau langsung dikesampingkan? Adakah semua agensi di dalam sektor awam mampu untuk melayan surat layang?

Perkara paling penting yang perlu disedari oleh semua pihak adalah status surat layang dari segi undang-undang. Secara ringkasnya, surat layang tidak dapat dijadikan satu keterangan di dalam mahkamah kerana penulis surat layang pada kebiasaannya tidak diketahui. Ini adalah kerana peraturan keterangan terbaik (*the best evidence rule*) berkaitan pembuktian keterangan dokumen adalah pengesahan daripada pembuat dokumen tersebut. Untuk membuktikan kesahihan kandungan sesuatu dokumen, pembuat dokumen perlulah dipanggil ke mahkamah sebagai saksi. Oleh kerana pada kebiasaannya identiti penulis surat layang tidak dapat diketahui, maka kandungan surat layang tidak dapat ditentukan kesahihannya.

Dalam Inkues berkaitan Kematian Sujatha Krishnan, Mahkamah Koroner telah menolak penggunaan surat layang dalam menentukan kematian si mati kerana surat layang tersebut tidak cukup dipercayai (*not credible*) untuk dijadikan sebagai keterangan. Dalam inkues tersebut, salah seorang deponen telah memberitahu mahkamah bahawa wujud satu surat layang yang menyatakan penglibatan seseorang dalam kematian si mati. Walau bagaimanapun, kandungan surat layang tersebut tidak dapat dipastikan kesahannya. Hakim tidak mampu untuk menentukan perkara yang benar-benar telah berlaku dalam suatu kes kecuali dengan berdasarkan kepada keterangan yang boleh dipercayai dan sah di sisi undang-undang.

Ringkasnya, surat layang tidak boleh dijadikan keterangan atau bukti untuk mendakwa seseorang.

Walaupun begitu, tidak ada peruntukan undang-undang yang melarang kandungan surat layang dijadikan asas untuk penyiasatan atau kajian lanjut pihak yang menerima surat layang tersebut. Siasatan dan kajian lanjut berkaitan kandungan surat layang masih boleh diteruskan. Dengan kata lain, surat layang tidak seharusnya diketepikan hanya atas alasan ia bukan satu keterangan yang boleh dikemukakan di mahkamah.

Dalam satu kes mahkamah perindustrian di antara Zaidi Azhar Kamaruddin dengan Malayan Banking Berhad, Mahkamah Perindustrian tidak mempertikaikan penggunaan surat layang oleh majikan pemohon dalam melaksanakan siasatan dalaman terhadap pemohon. Apa yang penting adalah siasatan lanjut terhadap surat layang tidak dipertikaikan dan pemohon di dalam kes ini tidak dikenakan apa-apa tindakan hasil daripada siasatan dalaman tersebut.

Selain itu, penulisan surat layang merupakan satu jenayah di bawah undang-undang negara jika penulisnya dapat dikenal pasti. Perbuatan menyiarkan suatu tuduhan tentang seseorang dengan niat untuk merosakkan reputasi orang yang dibuat tuduhan tersebut merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan.

Dalam kes Ab Latif Muda, tertuduh telah dituduh di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan kerana menggunakan surat layang untuk menjatuhkan maruah mangsa. Antara syarat utama bagi membolehkan kesalahan di bawah seksyen ini dibawa ke mahkamah adalah tertuduh dapat dikenal pasti. Jika didapati bersalah, tertuduh boleh dipenjarakan selama dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Oleh sebab itu, surat layang tidak seharusnya tidak dilayan tanpa diteliti dan disiasat terlebih dahulu. Pengetepian surat layang secara total akan menyebabkan siasatan lanjut tidak dapat dibuat dan kebenaran tidak dapat ditentukan. Selain itu juga, surat layang yang tidak diendahkan akan menyebabkan penulis yang tidak bertanggungjawab tidak dapat dihukum atas jenayah yang mereka lakukan.

Selain itu, budaya dan kepercayaan dalam masyarakat turut menyumbang kepada keberadaan surat layang dalam masyarakat. Budaya masyarakat Asia terutamanya di Malaysia masih lagi memandangkan pemberian maklumat secara terbuka sesuatu yang sukar untuk diterima. Bercakap mengenai keburukan orang lain terutamanya teman sekerja adalah dipandang tidak baik dalam budaya masyarakat Asia dan di anggap satu pengkhianatan kepada hubungan antara pekerja.

Selain budaya, isu keselamatan pemberi maklumat juga sering kali dikaitkan dalam hal ehwal pendedahan maklumat. Di Malaysia, kebanyakan penjawat awam lebih memilih untuk membuat pendedahan menggunakan surat layang kerana kerahsiaan identiti mereka lebih terjamin. Walaupun kerajaan telah menggubal Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), namun masih ada lagi yang menggunakan surat layang sebagai kaedah untuk melaporkan salah laku. Hal ini berlaku berkemungkinan disebabkan terdapat beberapa kelemahan yang terdapat pada Akta 711. Jika dilihat kepada Akta 711, tidak semua keadaan pemberi maklumat akan diberi perlindungan di bawah Akta 711. Oleh sebab itu, surat layang sering dipilih sebagai metode pendedahan maklumat.

Kesimpulannya, surat layang semestinya perlu dilayan dan tidak sepatutnya ditolak secara total. Apa yang penting adalah bagaimana agensi-agensi awam menguruskan surat-surat layang yang diterima.

Bagi agensi penguatkuasaan undang-undang, surat layang turut disiasat selagi mana tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa. Apa yang lebih penting, agensi penguatkuasaan lebih berkemampuan untuk menyiasat isi kandungan surat layang dengan kaedah penyiasatan yang lebih menyeluruh dan jaringan sumber maklumat yang lebih luas.

Bagi agensi awam yang bukan menguatkuasakan undang-undang, mengurus surat layang merupakan satu cabaran besar. Walaupun susah, surat layang perlu diurus dengan sebaiknya. Apa yang penting, tindakan lanjut perlu dilaksanakan ke atas surat layang yang diterima oleh agensi. Sememangnya bukan mudah untuk menerima perkhabaran aib sendiri, apatah lagi jika perkhabaran itu ada kebenarannya. Agensi seharusnya mengambil peluang untuk membuat penilaian sendiri (*self-assessment*) berdasarkan surat layang yang diterima. Berkemungkinan dengan wujudnya analisa lanjut ke atas surat layang membolehkan sesuatu agensi menilai semula kedudukan agensi dan kepimpinannya. Apa yang pasti, surat layang dibuat dengan motif tertentu. Kebenaran atau kepalsuan di sebalik kandungan surat layang tidak seharusnya dipandang enteng. Ada benarnya bak kata orang tua-tua, kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang.

-TPj Saiful Ezral Bin Ariffin

TAJUK: ADIK ABANG...

“Wah, banyak beli barang. Nak buat kuih raya ke?” tegur Pak Jabit. Pak Jabit dah lama berniaga barang-barang runcit berhampiran dengan rumah kami.

“Begitulah nampaknya Pak Jabit, Angah tu yang beria nak buat kuih raya sendiri katanya. Maklumlah tak boleh nak ke mana-mana musim wabak ni,” jawabku kepada Pak Jabit. Pada masa itu hanya aku dan adikku sahaja yang menjadi pelanggan Pak Jabit. Rezeki kami dapat berbual sebentar dengan Pak Jabit. Pak Jabit memang tidak asing bagi kami sekeluarga.

“Elok la tu Adam, boleh la aku beraya di rumah kamu nanti. Nak juga rasa air tangan adik kau si Maryam tu... haha,” seloroh Pak Jabit.

“Amboi! Gelak besar Pak Jabit. Mana boleh datang ziarah raya dalam tempoh PKPB ni,” celah adik sambil meletakkan tepung dan minyak jagung di atas kaunter bayaran.

“Aku gelak la sikit Amin. Ni masa tengah perintah kawalan pergerakan, semua orang tertekan. Raya pun di rumah masing-masing. Kebetulan pula pelanggan lain tak ada. Boleh la aku kendurkan sikit ketegangan di muka ni,” kata Pak Jabit.

“Kami di sini nak mencerikan Pak Jabit la. Yang penting kena patuh pada penjarakan sosial serta pakai penutup hidung dan mulut,” kata adik.

“Alahai kamu ni Amin dah macam pegawai kesihatan pulak,” balas Pak Jabit.

“Hai Pak Jabit. Jangan la stres. Kita ni patut bersyukur atas kehadiran Covid-19 ni.” Aku mula berbicara.

“Bersyukur dengan adanya Covid-19? Ish abang ni, macam gembira pulak ada wabak penyakit macam ni.” Adikku bertanya kehairanan.

“Maksud abang kamu tu, kita harus bersyukur atas kesihatan yang diberikan oleh Allah dan dipelihara daripada diserang penyakit. Tak begitu Adam?” Sambut Pak Jabit.

“Ha ha ha. Betul tu Pak Jabit. Tapi maksud saya lebih luas lagi. Kita patut bersyukur atas anugerah Covid-19 ni pada kita semua,” kata ku.

“Aha, ni bunyi pelik sikit Adam. Macam mana kamu kata anugerah? Dah berjuta diseluruh dunia dijangkiti penyakit ni. Beratus ribu pulak yang hilang nyawa. Anugerah macam mana pulak tu maksud kamu Adam?” tanya Pak Jabit.

“Hah, dah macam hadiah pulak Covid-19 ni. Biar betul abang ni?” Sampuk adik.

“Disebalik ujian Allah ni, banyak rahmat daripada Allah yang mungkin kita tak sedar,” jelasku. “Anugerah yang paling besar daripada kehadiran Covid-19 ni ialah mematapkan lagi iman kita. Allah Maha berkuasa atas seluruh makhlukNya. Walau secanggih mana pun teknologi kita dan seluas mana pun ilmu pengetahuan yang telah kita capai di masa ini, ternyata segala-galanya di bawah kekuasaan Allah semata-mata. Cuba kita fikirkan sejenak, Allah baru menurunkan sekecil-kecil tenteranya pada kita dan lihatlah kesannya pada manusia. Beratus ribu nyawa telah hilang di sebabkan Covid-19. Semuanya adalah untuk kita semua berfikir dan kembali kepada Allah. Manusia sangatlah kerdil dan lemah. Tiada yang dapat membantu kita selain dengan izin Nya.

“Aha, yang tu aku setuju Adam. Baru tentera kecil yang Allah turunkan. Lagi kecil daripada nyamuk. Kalau besar lagi tak tahu la apa nak jadi,” celah Pak Jabit.

Aku menyambung lagi bicara. “Selain tu, institusi keluarga juga dapat manfaat dengan adanya wabak Covid-19 ni. Sebelum ni, waktu ibu bapa bersama anak-anak sangat singkat. Kebanyakan masa anak-anak adalah di sekolah dan pusat transit. Ada juga yang tak sempat nak tengok anak kerana lewat sampai ke rumah. Tetapi segala berubah sejak kerajaan mengenakan perintah kawalan pergerakan. Ibu bapa dan anak-anak semua berada di rumah. Ruang dan peluang ini lah rahmat Allah yang tidak terhingga untuk ibu bapa dan anak-anak menyuburkan kasih sayang antara satu sama lain.”

Pak jabit hanya mengangguk-anggukkan kepala sambil memasukkan barang-barang yang kami beli ke dalam beg plastik.

“Tapi, macam mana pulak dengan kita yang biasa ke masjid ni Adam. Rindu sangat dah rasanya nak berjemaah di masjid.” Tiba-tiba Pak Jabit mencelah.

“Betul tu Pak Jabit, rindu sungguh nak dengar suara imam kita kan,” kata adik.

“Para Jemaah masjid pun ditarbiah di saat ini.” Kata aku menyambung bicara. “Kita yang selalu ke masjid ni kena sedar, apa sahaja yang kita lakukan adalah atas kehendak Allah jua. Jika Allah tidak izinkan, nak ke masjid pun kita tak mampu. Allahuakbar! Betapa kerdilnya kita ni”.

“Tapi bila difikirkan semula, bagus juga sebenarnya kita dapat bersolat dirumah berjemaah dengan keluarga. Sambil tu boleh la kita betulkan solat isteri dan anak-anak kita. Kalau kita tak betul, isteri kita tolong betulkan. Tak begitu Adam?” balas Pak Jabit.

“Haah, setuju sangat tu Pak Jabit. Masa-masa kita dilanda Covid-19 ni, kita seolah-olah sedang di berhentikan seketika oleh Allah. Saban hari kita disibukan oleh kerja harian kita, kini kita berpeluang untuk muhasabah diri. Mana yang tak betul, ini lah masanya untuk kita perbetulkan. Kalau takde Covid-19 ni, masih tak sempat lagi kita nak belajar perkara-perkara baru di sekeliling kita.”

“Macam kami ni la Pak Jabit. Kalau takde Covid-19, tak tentu lagi kita boleh tolong Angah beli barang-barang buat kuih raya ni”.

“Bukan tu jer Amin, macam-macam ilmu baru kamu boleh belajar khususnya pasal barang-barang dapur kan?” tanya Pak Jabit kepada adik.

“Betul Pak Jabit, sebelum ni saya hanya tahu tepung beras, tepung ubi, tepung jagung dan tepung gandum saja. Rupanya ada macam-macam lagi jenis tepung.” Ujar adik sambil tersenyum.

“Allahuakbar! Dengan ujian Nya ini, banyak pula manfaat yang kita boleh dapat bersama. Hah, ni duit nya Pak Jabit,” kataku.

“Alhamdulillah, terima kasih ya Adam. Moga Allah selamatkan kita semua,” doa Pak Jabit.

“Ameen,” balas kami bersama.

“Bang, kalau takde PKPB ni boleh la jugak kita singgah mana-mana dulu kan?” Keluh adik. “Kita ni dik, dalam menghadapi bahaya yang kita sendiri tak dapat jangka. Elok la kita balik ke rumah. Lebih selamat berada di rumah”. Tiba-tiba teringat aku akan firman Allah yang bermaksud “... berkatalah seekor semut: Wahai sekalian semut, masuklah ke dalam sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari” Surah An-Naml ayat 18. Allahuakbar!

BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

ARAS 12, BLOK A,
IBU PEJABAT,
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62200 PUTRAJAYA,
WILAYAH PERSEKUTUAN
TEL: 03-8870 0044
EMEL: t1@sprm.gov.my